

13 MAR 2001

Pas-Umno

JAWATANKUASA PUSAT PAS BINCANG PERTEMUAN UMNO-PAS AHAD INI

PETALING JAYA, 13 Mac (Bernama) -- Jawatankuasa Pusat Pas yang bermesyuarat Ahad ini akan membincangkan cadangan pertemuan Umno-PAS yang masih tertangguh, kata Setiausaha Agung Pas Nasaruddin Mat Isa hari ini.

Beliau berkata pucuk pimpinan parti itu juga akan memutuskan pendiriannya mengenai empat perkara yang disebut Umno untuk dibincangkan pada pertemuan itu.

"Kita belum buat keputusan mengenai perkara itu...kita bawa ke Jawatankuasa Pas Pusat hujung minggu ini," katanya kepada pemberita selepas melawat mangsa pergaduhan antara dua kumpulan penduduk di sekitar Jalan Kelang Lama beberapa hari lalu.

Turut bersama beliau membuat lawatan di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) itu ialah beberapa pemimpin Pas, Keadilan, Dap dan PRM.

Pada Khamis lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggariskan empat perkara utama yang ingin dibincangkan pada pertemuan itu ialah mengenai kepentingan orang Melayu yang termaktub dalam Perlembagaan.

Keempat-empat perkara itu ialah hak keistimewaan orang Melayu, bahasa Melayu, agama Islam sebagai agama rasmi dan status Raja-raja Melayu.

Pas pula sebelum itu mahu Umno memenuhi beberapa syarat sebelum pertemuan itu berlangsung, antaranya ialah supaya royalti minyak dikembalikan kepada Terengganu dan akhbar Harakah dibenar semula diterbitkan dua kali seminggu.

Presiden Pas Datuk Fadzil Noor yang balik hari ini selepas menunaikan haji telah dimaklumkan mengenai perkembangan terbaru itu, kata Nasaruddin.

Ditanya bila mesyuarat jawatankuasa teknikal kedua-dua parti itu akan mengadakan pertemuan selanjutnya, Nasaruddin berkata beliau masih menunggu tarikh yang sesuai daripada Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakub.

"Kebetulan saya jumpa beliau (Khalil) di lapangan terbang tadi semasa beliau menunggu Sultan Pahang dan saya menunggu Datuk Fadzil. Tapi kita tak bincang tentang tarikh itu," katanya.

Jawatankuasa teknikal itu, yang ditubuhkan untuk membincang persiapan pertemuan Umno-Pas itu telah berjumpa dua kali sebelum ini iaitu pada lapan dan 16 Februari lalu.

-- BERNAMA

AR AHH MOZ